

# Muafakat asas penyatuan penduduk

BERITA HARIAN 15/4/18 M/S 13

➔ Warga FELDA Sri Jaya tak ketinggalan dalam setiap program diatur

Oleh **Badrul Kamal Zakaria**  
badrulkamal@nstp.com.my

✦ **Tangkak**

Seangat permuafakatan yang tinggi dan sentiasa bersama dalam apa jua perkara menjadi asas kepada penyatuan serta perpaduan yang wujud dalam setiap diri penduduk di FELDA Bukit Serampang sejak ia mula diteroka pada 1961 hingga kini.

Atas semangat yang sama itu jugalah akhirnya berjaya menobatkan tanah rancangan yang turut dikenali sebagai FELDA Sri Jaya sebagai an-nama penerima yang berjaya menerima Geran Pembangunan FELDA 2.0 berjumlah RM20 juta, baru-baru ini.

Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) FELDA Bukit Serampang, Khairul Izam Abdul Samad berkata

menerusi penyertaan semua lapisan masyarakat di tanah rancangan ini jika terdapat sesuatu program yang diadakan di kawasan ini.

“Ini kita dapat lihat menerusi beberapa program yang pernah diadakan di FELDA ini seperti Kembara Mahkota Johor (KMJ), Program Cakna FELDA, perasmian Masjid, kendera-kendera dan sebagainya akan dapat melihat kebersamaan penduduk di sini.

“Hubungan mantap antara JKKK, Pengurusan FELDA Bukit Serampang dan juga kepimpinan setempat juga sentiasa pada tahap terbaik hingga membolehkan pelbagai perkara termasuk soal pembangunan dapat dilaksanakan dengan jayanya,” katanya ketika ditemui NSTP di Pejabat FELDA Bukit Serampang di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir; Pengurus FELDA Bukit Serampang, Rahmat Othong; Ketua Kampung felda Bukit Serampang, Abd Ghani Abd Muluk dan Pengerusi Gerakan Persatuan Wanita (GPW) FELDA berkenaan, Zarnah Hussein

Tanah rancangan FELDA terbabit mula diteroka pada 1961 dengan 108 peneroka pada peringkat awalnya dan bertambah kepada 408 peneroka sekitar 1970-an.

Pada mulanya mengusahakan tanaman getah di tanah berkenaan



**Pintu gerbang FELDA Bukit Serampang yang turut dikenali sebagai FELDA Sri Jaya.**

sahakan tanaman kelapa sawit selepas proses tanaman semula dilaksanakan di tanah rancangan berkenaan yang sehingga kini menjadikan kedua-dua tanaman konkrit itu sebagai sumber ekonomi utama penduduk di situ.

Kemakmuran FELDA Bukit Serampang atau FELDA Sri Jaya ini juga dapat dilihat apabila jumlah penduduk kini berjumlah 2,029 orang terdiri daripada generasi pertama hingga keempat yang mendiami kawasan kampung berkeluasan 121.49 hektar. Lebih unik, FELDA berkenaan masih mempunyai 53 peneroka asal yang masih tinggal di tanah rancangan itu.

**Hubungan erat antara generasi** Khairul Izam berkata, walaupun secara keseluruhan tanah rancangan terbabit diturunkan oleh generasi kedua peneroka, hubungan erat antara semua generasi tetap terjalin utuh hingga membolehkan pihaknya dapat melakukan pelbagai perkara yang dapat memberi manfaat kepada penduduk.

“Atas semangat itu jugalah kita berjaya; menerapkan empat tunjang utama dalam inisiatif FELDA 2.0 iaitu komuniti pintar; persekitaran lestari; komuniti sihat dan komuniti yang mempunyai daya tahan sehingga berjaya terpilih menerima geran pembangunan terbabit



**Hubungan mantap antara JKKK, Pengurusan FELDA Bukit Serampang dan juga kepimpinan setempat sentiasa pada tahap terbaik”**

**Khairul Izam**  
**Abdul Samad,**  
Setiausaha JKKK  
FELDA Bukit Serampang

Jaya ini juga satu-satunya tanah rancangan FELDA di kampung ini yang mempunyai rancangan Komuniti Malaysia yang biasanya hanya terdapat di kawasan kampung sahaja kerana kita mempunyai JKKK sendiri.

“Selain itu, penduduk di sini juga sukakan cabaran dan akan menyahut apa jua cabaran yang ada,” katanya.

Sementara itu Abd Ghani berkata, pihaknya juga sentiasa memanfaatkan kelebihan dan keistimewaan yang terdapat di kawasan ini.

“Umum mengetahuhi, FELDA Bukit Serampang ini terletak berhampiran dengan beberapa kawasan strategik yang terdapat di sini seperti Galeri Darurat Bukit Kepong, Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Gunung Ledang dan tidak lama lagi, kawasan Panchor juga akan dibangunkan sebagai lokasi kereta api berkelajuan tinggi (HSR).

“Di sini juga kita mempunyai perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti industri membuat mi siput, membuat parang dan roti. Kita juga mempunyai projek tanaman seperti fertigasi cili, tanaman markisar, kelapa matak dan juga projek rebusan buluh madu.

“Justeru, kita cuba memanfaatkan apa yang ada di kawasan sekitar dan juga di dalam FELDA ini untuk faedah kepada semua penduduk yang ter-